

**PENILAIAN KEBERKESANAN PROGRAM
VOKASIONAL KEPADA PELAJAR
BERKEPERLUAN KHAS DI POLITEKNIK
BERASASKAN MODEL CIPP**

SOUDAMINI A/P NARAYANAN NAIR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2025

**PENILAIAN KEBERKESANAN PROGRAM
VOKASIONAL KEPADA PELAJAR
BERKEPERLUAN KHAS DI POLITEKNIK
BERASASKAN MODEL CIPP**

by

SOUDAMINI A/P NARAYANAN NAIR

**Tesis diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Mei 2025

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, kesyukuran dipanjatkan kepada Tuhan yang maha berkuasa atas berkat dan restu-Nya, tesis ini telah disempurnakan akhirnya. Seterusnya, dengan hati yang ikhlas, setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih dirakamkan kepada penyelia utama yang amat sangat kagumi, Dr Ahmad Zamri Bin Khairani atas bimbingan, nasihat dan panduan yang diberikan serta kesabaran yang ditunjukkan oleh beliau sehingga selesainya penulisan tesis ini. Penghargaan juga ditujukan kepada penyelia Bersama, Dr. Nor Asniza Binti Ishak yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan, galakan dan sokongan untuk menjalankan kajian ini.

Penghargaan yang tidak terhingga juga ditujukan kepada semua pensyarah dan kakitangan pejabat di PPIP serta kakitangan di IPS yang banyak membantu dalam proses menyiapkan tesis ini.

Seterusnya ucapan ini dipanjangkan khusus buat insan-insan tersayang hadir dalam hidup ini terutama sekali kepada mendiang suami tercinta, En. Sarawana Kumar A/L Periasamy, anakanda Sareemni A/P Sarawana Kumar dan Sakthiavelan A/L Sarawana Kumar. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan atas segala pengorbanan yang telah diberikan sama ada dari segi material, masa dan kasih sayang.

Sekian, Terima kasih

SOUDAMINI A/P NARAYANAN NAIR

PPIP, USM

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH.....	x
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI LAMPIRAN.....	xii
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xiv
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	5
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Objektif Kajian.....	16
1.5 Persoalan Kajian	17
1.6 Hipotesis Kajian.....	19
1.7 Kepentingan Kajian.....	21
1.8 Limitasi Kajian.....	23
1.9 Kerangka Teori Kajian	24
1.10 Kerangka Konsep.....	29
1.11 Definisi Operasional.....	32
1.11.1 Penilaian Program dengan Model CIPP	32
1.11.2 Program Vokasional Inklusif.....	34
1.11.3 Pelajar OKU Pendengaran.....	35
1.11.4 Keberkesanan Program Vokasional Inklusif.....	35
1.11.5 Politeknik.....	36

1.11.6	Keberkesanan Kurikulum Program Vokasional	37
1.11.7	Kurikulum Kursus Hotel dan Katering.....	37
1.11.8	Kurikulum Kursus Reka Bentuk Fesyen dan Pakaian.....	38
1.11.9	Kurikulum Kursus Reka Bentuk Grafik	39
1.11.10	Kurikulum Kursus Penyelenggaraan Mekanikal	39
1.11.11	Kurikulum Kursus Kemahiran Pembinaan	40
1.11.12	Tahap Kepakaran Tenaga Pengajar Program Vokasional	41
1.11.13	Tahap Prasarana Program Vokasional	41
1.11.14	Tahap Kesesuaian Kursus Program Vokasional	42
1.12	Rumusan	42
BAB 2	SOROTAN KAJIAN	44
2.1	Pengenalan.....	44
2.2	Dasar Pendidikan Inklusif untuk Pelajar OKU.....	44
2.3	Pendidikan Inklusif dan Program Vokasional yang diikuti oleh Pelajar OKU Pendengaran	46
2.4	Keberkesanan Program Vokasional untuk Pelajar OKU Pendengaran	49
2.5	Keberkesanan Kurikulum Program Vokasional yang diikuti oleh Pelajar OKU Pendengaran.....	53
2.6	Kepakaran Tenaga Pengajar dalam Program Vokasional	56
2.7	Prasarana dalam Program Vokasional	58
2.8	Kesesuaian Tawaran Kursus dalam Program Vokasional.....	60
2.9	Penilaian	63
2.9.1	Penilaian dalam Pelaksanaan	70
2.9.2	Tujuan dan Kepentingan Penilaian.....	71
2.10	Model Penilaian Stufflebeam (Model CIPP)	72
2.10.1	Model CIPP dalam Penilaian Program Vokasional Secara Inklusif yang diikuti oleh Pelajar OKU Pendengaran	75
2.11	Kerangka Teori.....	80
2.11.1	Teori Pendidikan Inklusif dan Kajian Terdahulu	80

2.11.2	Teori Sosial dan Kajian Terdahulu	81
2.11.3	Teori Keberkesanan Program dan Kajian Terdahulu.....	82
2.12	Kajian Lepas Program Vokasional yang diikuti oleh Pelajar OKU Pendengaran.....	83
2.13	Rumusan.....	88
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN.....	89
3.1	Pengenalan.....	89
3.2	Reka Bentuk Kajian	89
3.3	Populasi dan Persampelan Kajian	94
3.4	Instrumen Kajian.....	95
3.4.1	Instrumen Kuantitatif	95
3.4.2	Instrumen Kualitatif	98
3.5	Pengumpulan Data	100
3.6	Kajian Rintis	101
3.6.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian.....	102
3.6.2	Temu Bual.....	103
3.7	Analisis Data.....	104
3.7.1	Data Kuantitatif.....	104
3.7.2	Data Kualitatif.....	104
3.8	Rumusan.....	108
BAB 4	DAPATAN KAJIAN.....	109
4.1	Pengenalan.....	109
4.2	Dapatan Profil Demografi Sampel Pelajar	110
4.3	Dapatan Profil Demografi Sampel Tenaga Pengajar.....	112
4.4	Dapatan Analisis Deskriptif.....	112
4.4.1	Dapatan Analisis Deskriptif Keberkesanan Program Vokasional yang diikuti oleh Pelajar OKU Pendengaran secara Inklusif (Pelajar)	113

4.4.2	Dapatan Analisis Deskriptif Keberkesanan Program Vokasional yang diikuti oleh Pelajar OKU Pendengaran secara Inklusif (Tenaga Pengajar)	115
4.5	Dapatan Analisis Inferensi.....	118
4.5.1	Dapatan Perbezaan Penilaian antara Tenaga Pengajar dan Pelajar (Konteks/Kurikulum).....	119
4.5.2	Perbezaan Penilaian antara Tenaga Pengajar dan Pelajar (<i>Input</i> /Tahap Kepakaran Tenaga Pengajar).....	120
4.5.3	Perbezaan Penilaian Prasarana antara Tenaga Pengajar dan Pelajar (Proses/Prasarana)	123
4.5.4	Perbezaan Penilaian antara Tenaga Pengajar dan Pelajar (Produk/Kesesuaian Kursus).....	124
4.6	Dapatan Analisis Korelasi	126
4.7	Dapatan Analisis Regresi.....	128
4.8	Rumusan.....	131
BAB 5 DAPATAN KUALITATIF.....		132
5.1	Pengenalan.....	132
5.2	Dapatan Analisis Kualitatif Tenaga Pengajar berkaitan Kurikulum	134
5.2.1	Keperluan Penglibatan Tenaga Pengajar dalam Kurikulum	141
5.3	Dapatan Analisis Kualitatif Pelajar berkaitan Kurikulum	142
5.4	Dapatan Analisis Kualitatif Tenaga Pengajar berkaitan Kepakaran Tenaga Pengajar	145
5.5	Dapatan Analisis Kualitatif Pelajar berkaitan Kepakaran Tenaga Pengajar	150
5.6	Dapatan Analisis Kualitatif Tenaga Pengajar berkaitan Prasarana dan Kesan.....	152
5.7	Dapatan Analisis Kualitatif Pelajar berkaitan Prasarana dan Kesan.....	154
5.8	Dapatan Analisis Kualitatif Tenaga Pengajar berkaitan Kesesuaian Tawaran Kursus	158
5.9	Dapatan Analisis Kualitatif Pelajar berkaitan Kesesuaian Tawaran Kursus.....	161
5.10	Rumusan.....	163

BAB 6 PERBINCANGAN.....	164
6.1 Pengenalan.....	164
6.2 Dapatan Perbincangan berkaitan Konteks (kurikulum), <i>Input</i> (Tenaga Pengajar), Proses (Prasarana), Produk (Kesesuaian Tawaran Kursus)	164
6.2.1 Konteks (Kurikulum)	164
6.2.2 <i>Input</i> (Tenaga Pengajar).....	165
6.2.3 Proses (Prasarana)	166
6.2.4 Produk (Kesesuaian Tawaran Kursus).....	167
6.3 Perbincangan Dapatan Ujian T untuk Tenaga Pengajar dan Pelajar berkaitan Konteks (Kurikulum), <i>Input</i> (Tenaga Pengajar), Proses (Prasarana), Produk (Kesesuaian Tawaran Kursus).....	168
6.3.1 Konteks (Kurikulum)	168
6.3.2 <i>Input</i> (Tenaga Pengajar).....	169
6.3.3 Proses (Prasarana)	170
6.3.4 Produk (Kesesuaian Tawaran Kursus).....	171
6.4 Perbincangan Dapatan Korelasi Tenaga Pengajar dan Pelajar	172
6.5 Perbincangan Dapatan Analisis Regresi Linear berkaitan Konteks (Kurikulum), <i>Input</i> (Tenaga Pengajar), Proses (Prasarana), Produk (Kesesuaian Tawaran Kursus).....	174
6.5.1 Konteks (Kurikulum)	174
6.5.2 <i>Input</i> (Kepakaran Tenaga Pengajar)	175
6.5.3 Proses (Prasarana)	175
6.5.4 Produk (Kesesuaian Tawaran Kursus).....	176
6.6 Perbincangan Dapatan Analisis Kualitatif berkaitan Konteks (Kurikulum), <i>Input</i> (Tenaga Pengajar), Proses (Prasarana), Produk (Kesesuaian Tawaran Kursus).....	177
6.6.1 Konteks (Kurikulum)	177
6.6.2 <i>Input</i> (Tenaga Pengajar).....	179
6.6.3 Proses (Prasarana)	180
6.6.4 Produk (Kesesuaian Tawaran Kursus).....	183

6.7	Perbincangan Gabungan Dapatan Kuantitatif dan Kualitatif	187
6.8	Perbandingan Dapatan kajian dengan Kajian yang Terdahulu	191
6.8.1	Keberkesanan Kurikulum	191
6.8.2	Kepakaran Tenaga Pengajar.....	192
6.8.3	Keberkesanan Prasarana	192
6.8.4	Kesesuaian Kursus	193
6.9	Implikasi Kajian.....	194
6.9.1	Implikasi Terhadap Kurikulum Program Vokasional yang diikuti Oleh Pelajar OKU Pendengaran.....	195
6.9.2	Implikasi Terhadap Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran	196
6.9.3	Implikasi Terhadap Keberkesanan Prasarana	198
6.9.4	Implikasi Terhadap Kesesuaian Tawaran Kursus.....	199
6.10	Cadangan Kajian Lanjutan	201
6.10.1	Kajian Terhadap Keberkesanan Penggunaan Teknologi dalam Pengajaran untuk Pelajar OKU Pendengaran	202
6.10.2	Penambahbaikan Kurikulum yang diikuti oleh Pelajar OKU Pendengaran.....	203
6.10.3	Faktor Pengaruh Prasarana dalam Keberkesanan Program Vokasional yang diikuti oleh Pelajar OKU Pendengaran	204
6.11	Rumusan.....	206
	RUJUKAN	208
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1 Pendekatan Pemerolehan Data Kajian.....	92
Jadual 3.2 Pembahagian Item Bahagian 1 Mengikut Latar belakang Responden.....	97
Jadual 3.3 Persoalan Kajian Mengikut Setiap Pemboleh ubah.....	98
Jadual 3.4 Ujian Kebolehpercayaan Kajian Rintis.....	103
Jadual 3.5 Soalan Kajian dan Analisis Statistik	107
Jadual 4.1 Taburan Frekuensi dan Peratus Ciri-ciri Demografi Sampel Pelajar	110
Jadual 4.2 Taburan Frekuensi dan Peratus Ciri-ciri Demografi Sampel Tenaga Pengajar.....	112
Jadual 4.3 Jadual Dapatan Analisis (Pelajar).....	114
Jadual 4.4 Jadual Dapatan Analisis (Tenaga Pengajar)	116
Jadual 4.5 Jadual Perbezaan Penilaian antara Tenaga Pengajar dan Pelajar (Konteks/Kurikulum).....	118
Jadual 4.6 Jadual Perbezaan Penilaian antara Tenaga Pengajar dan Pelajar (Tahap Kepakaran Tenaga Pengajar)	120
Jadual 4.7 Jadual Perbezaan Penilaian Prasarana antara Tenaga Pengajar dan Pelajar (Proses)	122
Jadual 4.8 Jadual Perbezaan Penilaian antara Tenaga Pengajar dan Pelajar (Produk / Kesesuaian Kursus)	124
Jadual 4.9 Jadual korelasi Pearson bagi Tenaga Pengajar	126
Jadual 4.10 Jadual Korelasi Pearson Pelajar	127
Jadual 4.11 Jadual Regresi Linear untuk Model CIPP (Konteks, <i>Input</i> , Proses dan Produk)	128
Jadual 5.1 Profil Tenaga Pengajar bagi Kajian Kualitatif	133
Jadual 5.2 Profil Pelajar bagi Kajian Kualitatif	134

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	Kerangka konsep kajian..... 31
Rajah 3.1	Reka Bentuk Kajian..... 91
Rajah 3.2	Proses Analisis Data Temu Bual..... 106

SENARAI SINGKATAN

IPT	Institusi Pengajian Tinggi
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPP	Jabatan Pendidikan Politeknik
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LBK	Latihan Berasaskan Kumpulan
NOSS	<i>National Occupational Skill Standards</i>
OKU	Orang Kurang Upaya
PBK	Pelajar Berkeperluan Khas
RTA	Cadangan Agihan Jam
SDG 4	<i>Sustainable Development Goal 4</i>
SLT	Masa Pembelajaran
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
TVSD	Pembangunan Kemahiran Teknikal dan Vokasional
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A Borang Soal –Selidik
- Lampiran B Bahagian Kualitatif (Temu bual)
- Lampiran C Surat Permohonan Untuk Menjalankan Kajian di IPTA/IPTS Di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi
- Lampiran D Surat Memohon Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian: Penilaian Keberkesanan Program Pelajar Berkeperluan Khas (OKU PENDENGARAN) di Politeknik Dengan Model Stufflebeam CIPP
- Lampiran E Surat Perakuan Menjalankan Kajian di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
- Lampiran F Surat Memohon Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian:Penilaian Keberkesanan Program Pelajar Berkeperluan Khas (OKU PENDENGARAN) di Politeknik Dengan Model Stufflebeam CIPP
- Lampiran G Surat Memohon Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian: Penilaian Keberkesanan Program Pelajar Berkeperluan Khas (OKU PENDENGARAN) di Politeknik Dengan Model Stufflebeam CIPP
- Lampiran H Kelulusan Bersyarat Untuk Menjalankan Kajian: Penilaian Program Vokasional Pelajar Berkeperluan Khas (OKU PENDENGARAN) Di Politeknik Dengan Model Stufflebeam CIPP
- Lampiran I Penyemakan dan Pengesahan Instrumen oleh Pakar Bidang1
- Lampiran J Penyemakan dan Pengesahan Instrumen oleh Pakar Bidang1
- Lampiran K Surat Persetujuan bagi Responden

**PENILAIAN KEBERKESANAN PROGRAM VOKASIONAL KEPADA
PELAJAR BERKEPERLUAN KHAS DI POLITEKNIK BERASASKAN
MODEL CIPP**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan program vokasional bagi pelajar berkeperluan khas di politeknik dengan menggunakan Model CIPP (*Context, Input, Process, Product*). Fokus kajian adalah terhadap pelajar OKU pendengaran. Objektif kajian adalah untuk menilai keberkesanan kurikulum, kepakaran tenaga pengajar, keberkesanan prasarana, serta kesesuaian tawaran kursus. Model CIPP digunakan sebagai kerangka untuk menilai setiap aspek dalam program, iaitu konteks program, *Input* yang diterima, proses pengajaran dan pembelajaran, serta hasil yang dicapai oleh pelajar. Kajian ini melibatkan pengumpulan data melalui soal seldik dan temu bual dengan pelajar dan tenaga pengajar. Untuk analisis data, perisian *Statiscal Package Social Science* (SPSS) versi 23.0 digunakan, dengan melibatkan ujian deskriptif, ujian $-t$, ujian korelasi Pearson, dan ujian regresi. Data temu bual dianalisis menggunakan pendekatan tematik. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi keberkesanan program, termasuk kurikulum, kemudahan fizikal, tahap sokongan sosial, serta kaedah pengajaran yang disesuaikan dengan keperluan pelajar OKU pendengaran serta kesesuaian tawaran kursus. Penemuan ini memberikan cadangan untuk penambahbaikan kualiti program vokasional di politeknik bagi memastikan akses dan peluang pendidikan yang lebih baik kepada pelajar OKU pendengaran pada masa hadapan.

**EVALUATION OF THE EFFECTIVENESS OF VOCATIONAL
PROGRAMME TOWARD SPECIAL NEEDS STUDENT IN
POLYTECHNICS BASED ON THE CIPP MODEL**

ABSTRACT

This study aims to evaluate the effectiveness of vocational programs for special needs students in polytechnics using the CIPP Model (Context, Input, Process, Product). The focus of the study is on students with hearing disabilities. The objectives of the study are to assess the effectiveness of the curriculum, the expertise of the instructors, the effectiveness of the infrastructure, and the relevance of the course offerings. The CIPP Model is used as a framework to assess each aspect of the program, including the program context, the *Input* received, the teaching and learning processes, and the outcomes achieved by the students. This study involves data collection through questionnaires, and interviews with students and instructors. For data analysis, the Statistical Package Social Sciences (SPSS) version 23.0 is used, with descriptive tests, t-tests, Pearson correlation tests, and regression analysis. The interview data is analyzed using a thematic approach. The findings reveal several factors that influence the effectiveness of the program, including the curriculum, physical facilities, level of social support, and teaching methods tailored to the needs of hearing-impaired students, and the relevance of the course offerings. The findings provide recommendations for improving the quality of vocational programs in polytechnics to ensure better access and educational opportunities for hearing-impaired students in the future.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan vokasional memainkan peranan penting dalam pembangunan kemahiran pelajar, terutamanya dalam menyediakan mereka untuk pasaran kerja. Bagi pelajar yang mempunyai keperluan khas, pendidikan vokasional bukan sahaja bertujuan untuk memberikan kemahiran teknikal, tetapi juga untuk memberi peluang yang sama dengan pelajar lain dalam sistem pendidikan negara. Di Malaysia, pelajar dengan pelbagai jenis keperluan khas semakin diberi perhatian, dengan pelbagai inisiatif untuk menyediakan pendidikan yang lebih inklusif dan memastikan mereka mendapat peluang pendidikan yang berkualiti. Sehubungan ini, khususnya pelajar OKU pendengaran mempunyai peluang untuk mengikuti program vokasional di politeknik di Malaysia.

Pelajar OKU pendengaran sebagai salah satu golongan pelajar dengan keperluan khas, sering kali menghadapi cabaran dalam mengikuti kurikulum pendidikan arus perdana. Walaupun mereka memiliki potensi yang sama seperti pelajar lain, halangan komunikasi dan kekurangan sokongan yang sesuai sering menjadi penghalang utama dalam mencapai kejayaan akademik dan kemahiran vokasional. Namun, dengan pendekatan pendidikan inklusif, pelajar OKU pendengaran kini diberi peluang untuk mengikuti program vokasional bersama pelajar arus perdana, dengan pelbagai pengubahsuaian yang disediakan untuk memastikan mereka mendapat akses yang setara kepada pembelajaran.

Menurut Akta Orang Kurang Upaya pada tahun 2008, kerajaan Malaysia mengambil serius tentang pendidikan pelajar OKU. Lantarannya, satu golongan yang semakin mendapat perhatian dalam sistem pendidikan negara adalah pelajar Orang Kurang Upaya (OKU), khususnya pelajar dengan masalah pendengaran. Di politeknik, program vokasional yang ditawarkan kepada pelajar OKU pendengaran adalah serupa dengan yang diikuti oleh pelajar arus perdana, namun pengubahsuaian tertentu seperti penggunaan alat bantu pendengaran, bantuan bahasa isyarat, dan sokongan pengajar tambahan diberikan. Pendekatan inklusif bertujuan untuk memastikan pelajar OKU pendengaran dapat mengakses pembelajaran dengan cara yang sesuai dengan keperluan mereka, sambil memperkukuhkan peluang penyertaan dalam masyarakat dan pendidikan dengan lebih luas.

Dalam konteks pendidikan inklusif, prinsip pendidikan untuk semua yang digariskan oleh UNESCO dalam *The Incheon Declaration (2015) dan Sustainable Development Goal 4 (SDG 4)* telah menekankan keperluan untuk mengurangkan ketidaksamaan pendidikan dan memastikan akses pendidikan berkualiti untuk semua, termasuk golongan OKU. Haug (2020), menyatakan bahawa pendidikan inklusif bukan sahaja melibatkan akses kepada pendidikan, tetapi juga keberkesanan proses pengajaran yang disesuaikan dengan keperluan individu pelajar, terutamanya dalam pendidikan vokasional. Haug juga menyarankan bahawa pendidikan yang inklusif perlu melibatkan sokongan daripada pelbagai pihak, termasuk pihak pengurusan, tenaga pengajar, serta keluarga dan komuniti pelajar untuk memastikan keberkesanan pembelajaran.

Kajian oleh Dube et al. (2023), menunjukkan bahawa penggunaan prasarana yang canggih seperti teknologi dalam pendidikan vokasional dapat membantu meningkatkan penglibatan dan pencapaian pelajar OKU pendengaran, khususnya

dalam bidang teknikal dan praktikal. Teknologi seperti alat bantuan pendengaran, perisian terjemahan bahasa isyarat, serta pembelajaran digital telah terbukti memperbaiki akses pelajar OKU pendengaran kepada bahan pengajaran dan meningkatkan keupayaan mereka. Selain itu, kajian oleh Stenlund (2023), menggariskan bahawa untuk memastikan kejayaan dalam pendidikan vokasional bagi golongan OKU pendengaran, satu pendekatan yang mudah akses pembelajaran sangat diperlukan. Di Malaysia, pelajar OKU pendengaran di politeknik sering menghadapi kekurangan dalam akses kepada kurikulum yang disesuaikan. Menurut beliau, tidak hanya kurikulum yang perlu diubah, tetapi juga cara pengajaran dan sokongan harus berbeza untuk memberikan persekitaran yang inklusif kepada pelajar tanpa mengira keupayaan mereka.

Di negara kita sebanyak empat politeknik sahaja yang menawarkan kursus vokasional kepada pelajar OKU pendengaran. Misalnya, Politeknik Ungku Omar di Ipoh menawarkan Program Kemahiran Pembinaan. Kursus Hotel dan Katering ditawarkan di Politeknik Syed Sirajuddin di Perlis dan Politeknik Ibrahim Sultan di Johor menawarkan kursus Reka bentuk Grafik dan Rekaan Fesyen dan Pakaian. Program Penyenggaraan Mekanikal ditawarkan di Politeknik Salahuddin di Selangor.

Walaupun pendidikan inklusif semakin diperkenalkan, keberkesanan program vokasional yang disediakan untuk pelajar OKU pendengaran di politeknik masih perlu dinilai secara mendalam. Keberkesanan tersebut merangkumi aspek pengubahsuaian kurikulum, sokongan yang diberikan, serta pencapaian pelajar dalam mengikuti program tersebut. Model CIPP (Konteks, *Input*, Process, Product) adalah satu pendekatan yang komprehensif untuk menilai keberkesanan program pendidikan dengan mengambil kira pelbagai faktor yang mempengaruhi proses pembelajaran.

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan program vokasional yang diikuti oleh pelajar berkeperluan khas khususnya pelajar OKU pendengaran di politeknik secara inklusif, dengan menggunakan Model CIPP sebagai alat penilaian. Model CIPP menyediakan kerangka yang menyeluruh untuk menilai program dalam empat komponen utama: iaitu Konteks, *Input*, Proses, dan Produk, yang memberi gambaran menyeluruh tentang kesan dan keberkesanan program yang dijalankan. Dalam kajian terkini, Vartiainen et al. (2020), menyatakan bahawa penilaian menggunakan Model CIPP sesuai dan membolehkan pengkaji untuk menilai aspek-aspek penting dalam pelaksanaan program pendidikan yang lebih fleksibel dan berkesan untuk pelajar dengan keperluan khas, seperti pelajar OKU pendengaran. Beliau menegaskan bahawa pendekatan holistik yang terdapat dalam penilaian Model CIPP dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam setiap fasa program, seterusnya dapat memperbaiki strategi pengajaran dan pembelajaran.

Godwin et al. (2011), menyatakan kualiti program mempengaruhi keberkesanan tenaga pengajar dan cara pelaksanaan. Maka, untuk mengetahui keberkesanan sesuatu program, penilaian perlu dijalankan semasa program tersebut dilaksanakan pada satu tempoh masa. Menurut Clinton (2001), jika terdapat kelemahan atau kekangan dalam pelaksanaan program tersebut semasa penilaian, pihak pentadbiran dapat mengambil tindakan yang sewajarnya serta boleh memperkenalkan inovasi baharu dalam program tersebut untuk mengatasi ketidakakuran program itu.

Kajian ini akan memberi tumpuan kepada empat komponen utama dalam Model CIPP, iaitu Konteks (kurikulum yang melibatkan pelbagai faktor pencapaian pelajar), *Input* (tenaga pengajar yang melibatkan pelbagai faktor pengajaran dan pembelajaran), Proses (prasarana yang melibatkan sokongan), dan Produk (tawaran

kesesuaian kursus melibatkan faktor hasil program), untuk menilai keberkesanan program vokasional yang diikuti oleh pelajar OKU pendengaran di politeknik secara inklusif

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan vokasional merupakan salah satu cabang pendidikan yang penting untuk mempersiapkan pelajar dengan kemahiran praktikal yang diperlukan dalam dunia pekerjaan. Pendidikan tersebut memberi tumpuan kepada pengajaran kemahiran teknikal dan profesional, yang menjurus kepada pengukuhan peluang kerjaya serta peningkatan kehidupan ekonomi individu. Bagi pelajar dengan keperluan khas, seperti pelajar OKU pendengaran, pendidikan vokasional sangat penting kerana membantu mereka memperoleh kemahiran teknikal, yang memberi keupayaan dan keyakinan diri untuk meningkatkan peluang mereka menyertai masyarakat secara produktif. Namun, dalam konteks pendidikan inklusif, penyediaan pendidikan yang sesuai untuk pelajar dengan keperluan khas (OKU) masih menghadapi pelbagai cabaran terutama dalam mengikuti program yang sama dengan pelajar arus perdana.

Di antara golongan OKU yang sering berdepan dengan halangan dalam pendidikan adalah pelajar dengan kecacatan pendengaran. Pelajar OKU pendengaran menghadapi cabaran yang unik dalam pembelajaran mereka, terutamanya dalam menerima dan memahami ilmu melalui pengajaran yang kebiasaannya tidak disesuaikan dengan keperluan mereka. Menurut kajian oleh Ahmad et al. (2018), pelajar OKU pendengaran sering menghadapi masalah komunikasi yang signifikan yang mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Selain itu, kekurangan akses bahan kepada bahan pengajaran yang disesuaikan serta sokongan daripada tenaga

pengajar juga menambah beban kepada pelajar tersebut dalam mengikuti program vokasional. Walaupun terdapat usaha-usaha untuk meningkatkan akses kepada pendidikan untuk pelajar OKU, masih terdapat kekurangan program secara khusus disesuaikan dengan keperluan mereka, terutamanya dalam persekitaran pembelajaran praktikal. Dalam kajian oleh Maat dan Kadir (2019), mereka menyatakan bahawa pendidikan vokasional memberi manfaat besar kepada golongan OKU pendengaran kerana akan memberi mereka kemahiran yang diperlukan untuk memasuki pasaran kerja dan hidup berdikari. Namun begitu, mereka juga menekankan bahawa keberkesanan pendidikan vokasional kepada pelajar OKU sangat bergantung pada adaptasi kurikulum dan kaedah pengajaran yang sesuai untuk memenuhi keperluan pelajar dengan kecacatan pendengaran.

Dalam konteks tersebut, Model CIPP (*Context, Input, Process, Product*) yang diperkenalkan oleh Stufflebeam (1971) menawarkan satu pendekatan yang komprehensif untuk menilai keberkesanan program pendidikan. Model tersebut menilai empat komponen utama dalam sesuatu program iaitu Konteks (*Context*), *Input (Input)*, Proses (*Process*), dan Produk (*Product*). Setiap komponen tersebut memberi pandangan yang mendalam tentang bagaimana program dijalankan, serta hasil yang dicapai. Model CIPP membolehkan penilaian yang lebih holistik tentang keberkesanan sesuatu program dan memberi cadangan penambahbaikan untuk memastikan program tersebut lebih inklusif, berkesan, dan memenuhi keperluan pelajar.

Dalam konteks pendidikan vokasional di Malaysia, penggunaan Model CIPP membolehkan penilai untuk melihat dengan lebih jelas tentang matlamat dan tahap program vokasional memenuhi keperluan pelajar OKU pendengaran, misalnya dari aspek penyediaan bahan pengajaran, kemudahan fizikal, penglibatan pelajar dan

sokongan akademik. Menurut Stufflebeam, model tersebut menggalakkan penilaian berterusan yang bukan sahaja fokus kepada hasil akhir tetapi juga kepada proses-proses yang membawa kepada hasil kualiti. Perkara tersebut amat penting dalam pendidikan inklusif yang merangkumi setiap pelajar mempunyai keperluan yang berbeza, terutamanya pelajar OKU yang memerlukan penyesuaian dalam aspek pembelajaran. Dalam kajian oleh Kamarudin (2020), beliau menekankan bahawa penilaian menggunakan Model CIPP dapat membantu pihak pengurusan institusi pendidikan untuk memahami dengan lebih jelas tentang kekuatan dan kelemahan program yang ditawarkan,serta memberikan cadangan untuk penambahbaikan. Menurutnya, Model CIPP telah terbukti berkesan dalam menilai pelbagai program pendidikan dan memberikan hasil yang dapat diterjemahkan kepada tindakan yang praktikal.

Politeknik di Malaysia semakin mengambil langkah proaktif dalam menyediakan pendidikan yang inklusif untuk pelajar OKU. Laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (2021), menunjukkan peningkatan bilangan pelajar OKU yang diterima di politeknik, berlandaskan pelbagai usaha dijalankan untuk menambah baik infrastruktur dan kemudahan yang ada. Walaupun, terdapat peningkatan tersebut, namun masih banyak cabaran yang dihadapi oleh pelajar OKU, terutamanya mereka yang mengalami kecacatan pendengaran. Menurut Zainudin (2016), salah satu cabaran utama adalah kekurangan tenaga pengajar yang terlatih dalam memenuhi keperluan pendidikan pelajar OKU, khususnya pelajar yang memerlukan sokongan komunikasi yang intensif. Perkara tersebut termasuk kekurangan dalam penggunaan teknologi bantu dan tiada pendekatan pengajaran yang disesuaikan.

Selain itu, pengajaran kepada pelajar OKU pendengaran memerlukan kemahiran khusus daripada tenaga pengajar. Tenaga pengajar perlu memahami keperluan khas pelajar OKU pendengaran dan mampu menggunakan pendekatan pengajaran yang berbeza, seperti menggunakan bahasa isyarat atau terjemahan teks semasa penyampaian pengajaran. Bagi perkara tersebut memerlukan latihan khas bagi tenaga pengajar untuk memastikan mereka dapat berkomunikasi dengan pelajar OKU pendengaran dengan berkesan. Tanpa kemahiran tersebut, prestasi akademik dan pencapaian kemahiran praktikal pelajar OKU pendengaran mungkin terjejas (Hassan & Kamarudin, 2017).

Seterusnya, prasarana yang tidak mesra OKU, seperti kekurangan kemudahan yang sesuai untuk pelajar OKU pendengaran merupakan cabaran besar bagi mereka. Infrastruktur yang tidak mencukupi, atau kurang disesuaikan dengan keperluan pelajar OKU pendengaran akan menjejaskan pengalaman pembelajaran mereka dan menghalang mereka daripada menguasai kemahiran yang diperlukan. Oleh itu, penting untuk menilai kualiti prasarana yang disediakan oleh politeknik. Pihak pengurusan politeknik perlu mengenal pasti kemudahan yang disediakan memenuhi keperluan pelajar OKU pendengaran.

Seterusnya tawaran kursus vokasional di politeknik mestilah relevan dengan keperluan industri dan kebolehpasaran pelajar OKU pendengaran selepas tamat pengajian. Dalam menyediakan pendidikan vokasional yang inklusif untuk pelajar OKU pendengaran, adalah penting untuk menilai kursus yang ditawarkan di institut seperti politeknik. Menurut Kassim dan Othman (2017), pengajaran untuk pelajar OKU pendengaran perlu disesuaikan dengan keperluan pembelajaran mereka, di mana penggunaan kaedah yang lebih visual dan bantuan teknologi adalah amat penting. Dalam konteks kursus vokasional seperti Hotel dan Katering, Rekaan

Pakaian dan Fesyen serta Reka Bentuk Grafik, penggunaan teknologi dan visual boleh membantu pelajar OKU pendengaran menguasai kemahiran praktikal dengan lebih efektif. Kassim dan Othman (2020), berpendapat bahawa penggunaan alat komunikasi alternatif seperti bahasa isyarat, serta perisian yang menyediakan komunikasi visual adalah penting untuk mengatasi halangan komunikasi yang dihadapi oleh pelajar OKU pendengaran. Namun, dalam beberapa kursus lain seperti Penyenggaraan Mekanikal dan Pembinaan Awam, yang kemahiran praktikal sangat ditekankan, pelbagai cabaran timbul apabila pelajar perlu berkomunikasi dengan pengajar dan rakan sekerja dalam keadaan yang lebih dinamik. Nik Nazli et al. (2019), menekankan bahawa untuk memastikan kesesuaian kursus-kursus tersebut, pengajaran perlu merangkumi pendekatan yang mengutamakan visual dan penggunaan simbol-simbol yang lebih mudah diakses oleh pelajar OKU pendengaran.

Walaupun pendekatan inklusif menawarkan potensi untuk meningkatkan akses pendidikan bagi pelajar OKU pendengaran, kajian mengenai keberkesanan program vokasional inklusif masih terhad. Perkara tersebut mencetuskan keperluan untuk menilai tahap kemampuan pendekatan pendidikan inklusif dalam program vokasional yang dianggap membantu pelajar OKU pendengaran mencapai kemahiran yang diperlukan. Di samping, itu dapat menentukan sebarang cabaran atau kejayaan yang dihadapi dalam proses pembelajaran mereka. Oleh itu kajian ini menilai keberkesanan program vokasional yang diikuti oleh pelajar OKU pendengaran di politeknik secara inklusif dengan menggunakan Model CIPP (*Context, Input, Process, Product*) untuk menilai faktor-faktor yang menentukan kejayaan hasil program seperti keberkesanan kurikulum, pengajaran tenaga pengajar, prasarana yang disediakan, serta kesesuaian tawaran kursus yang relevan. Penilaian berdasarkan

model tersebut dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam program,serta seterusnya membantu dalam membuat keputusan untuk meningkatkan kualiti program vokasional secara inklusif di politeknik.

1.3 Pernyataan Masalah

Walaupun pendidikan inklusif telah diterima sebagai pendekatan utama dalam menyediakan peluang pendidikan untuk pelajar OKU, pelaksanaan pendidikan inklusif dalam konteks program vokasional bagi pelajar OKU pendengaran di politeknik masih kurang mendapat perhatian yang sewajarnya dalam penyelidikan. Banyak kajian yang lepas, lebih tertumpu kepada teori pendidikan inklusif secara umum atau melibatkan pelajar dengan keperluan khas lain, tanpa memberi fokus yang mendalam kepada pelajar OKU pendengaran yang mengikuti program vokasional bersama pelajar arus perdana. Selain itu, meskipun pengubahsuaian seperti penggunaan alat bantuan pendengaran dan sokongan bahasa isyarat telah diberikan, keberkesanan pendekatan ini dalam meningkatkan pencapaian akademik dan kemahiran vokasional pelajar OKU pendengaran masih belum dapat diukur dengan jelas. Dalam hal tersebut, terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh pelajar OKU pendengaran dalam sistem pendidikan vokasional yang sedia ada. Oleh itu, adalah penting untuk menilai keberkesanan program vokasional yang diikuti oleh pelajar OKU pendengaran bagi memastikan program tersebut memenuhi keperluan khusus mereka. Bagi menjamin kualiti pendidikan, institut pengajian tinggi sentiasa perlu melakukan kajian-kajian terhadap berkesanan program yang ditawarkan.

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa pelajar OKU pendengaran sering menghadapi kesukaran dalam mengakses pendidikan vokasional yang sesuai dengan keperluan mereka. Salah satu cabaran utama adalah kurikulum yang tidak

disesuaikan dengan keperluan komunikasi dan pembelajaran pelajar OKU pendengaran. Kurikulum yang bergantung kepada komunikasi verbal dan kaedah pengajaran tradisional menjadikan pelajar OKU pendengaran sukar untuk mengikuti pengajaran dan menguasai kemahiran teknikal yang diperlukan (Akter & Rahman, 2019; Hassan & Kamarudin, 2017).

Di samping itu, tenaga pengajar yang tidak terlatih dalam bidang pendidikan khas yang mengajar pelajar OKU pendengaran turut menyebabkan kesukaran dalam pengajaran dan pembelajaran. Tenaga pengajar yang tidak mempunyai latihan dalam kaedah pengajaran inklusif (seperti bahasa isyarat atau penggunaan teknologi bantu), tidak dapat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Dalam perkara berikut, pelajar OKU pendengaran tidak dapat menguasai kemahiran yang sepatutnya. Selain daripada kurikulum dan pengajaran, prasarana yang tidak mesra OKU adalah satu lagi isu besar dalam pendidikan vokasional untuk pelajar OKU pendengaran. Sebagai contoh, kekurangan ruang pembelajaran yang sesuai, alat bantu teknologi yang tidak mencukupi, atau ruang interaksi yang tidak dapat menyokong pembelajaran interaktif, menghalang pelajar OKU pendengaran daripada mendapatkan manfaat penuh daripada program vokasional. Kekangan yang dihadapi dalam faktor fasiliti menghalang pelajar OKU pendengaran daripada mencapai prestasi penuh mereka dalam pendidikan vokasional. Menurut Abdullah et al. (2021), kekurangan kemudahan tersebut sering kali menghalang pelajar OKU pendengaran daripada mencapai potensi penuh mereka dalam pendidikan vokasional.

Selanjutnya, kaedah pelaksanaan dan tempoh masa merupakan tonggak utama untuk para pelajar memilih dan menimba pengalaman sesuatu program pengajian. Jamal et al. (2014) telah menjelaskan tempoh masa dan kaedah pelaksanaan yang sistematik akan menarik minat pelajar terhadap sesuatu program

pengajian. Pendapat Stufflebeam (2011) berfokus pada tenaga pengajar dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang seronok. Tenaga pengajar yang berwibawa, berkeupayaan dan berfikiran positif akan menyampaikan pembelajaran bermakna kepada pelajar dalam suasana kondusif.

Dapatan kajian Zaharah (2013) menjelaskan OKU pendengaran mempunyai beberapa kemahiran yang unik serta mereka turut mempunyai bakat dan kemahiran yang setanding dengan pelajar normal. Namun, semasa mengikuti sistem pendidikan yang kurang mesra dan digubal tanpa mengambil kira kelemahan mereka menyebabkan mereka diketepikan dan tidak dapat bersaing dengan pelajar normal. Kajian Salehudin dan Mahadi (2005) dan Ahmad dan Sidek (2013) mengutarakan bahawa anjakan kurikulum perlu diterima secara positif oleh para pelaksana seperti guru, pensyarah dan tenaga pengajar. Mereka perlu meningkatkan keupayaan dan kemahiran dalam bidang komputasional dan teknologi supaya dapat merealisasikan perubahan tersebut. Perubahan pemikiran golongan pelaksanaan sangat penting untuk mencapai matlamat program. Kenyataan yang dikemukakan oleh KPM juga adalah sama. KPM menuntut agar tenaga pengajar bersedia untuk menerima perubahan kurikulum dengan minda terbuka untuk melangkah ke depan bagi memartabatkan pendidikan negara kita. Bagi menilai keberkesanan program vokasional secara menyeluruh, pendekatan yang sistematik dan menyeluruh adalah diperlukan. Perbendaharaan Malaysia (2002) turut mengeluarkan kenyataan bahawa sesuatu program yang dijalankan perlu penilaian dibuat setelah mencapai satu tempoh masa untuk mengeluarkan hasil atau produk. Keberkesanan dapat dinilai dengan kualiti produk yang dihasilkan. Salah satu alat yang sesuai adalah Model CIPP (*Context, Input, Process, Product*) yang diperkenalkan oleh Stufflebeam (1971). Model tersebut menawarkan rangka kerja untuk menilai empat komponen

utama dalam program pendidikan; iaitu Konteks, *Input*, Proses dan Produk. Penilaian terhadap keberkesanan program vokasional pelajar OKU pendengaran menggunakan model tersebut akan memberi gambaran yang terperinci tentang tahap keberkesanan program dalam memenuhi keperluan golongan OKU pendengaran, serta memberi panduan untuk penambahbaikan yang lebih berkesan.

Dalam Konteks (*Context*), terdapat kekurangan kajian yang memberi tumpuan kepada keperluan pendidikan khusus untuk pelajar OKU pendengaran dalam program vokasional, terutama di politeknik. Penilaian terhadap keperluan tersebut adalah penting untuk memastikan bahawa program vokasional yang ditawarkan dapat memenuhi keperluan pembelajaran pelajar OKU pendengaran yang mempunyai keupayaan yang unik. Selain itu, aspek *Input (Input)*, yang melibatkan kurikulum dan sumber pengajaran perlu dinilai untuk memastikan bahawa kurikulum dan bahan pengajaran disesuaikan dengan keperluan pelajar OKU pendengaran dan sesuai dengan amalan dalam pendidikan inklusif. Dari segi pelaksanaan (*Input*), adalah penting untuk menilai kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar dan tahap keupayaan mereka untuk mengajar pelajar OKU pendengaran. Aspek Proses (*Process*) yang menilai akses prasarana memudahkan pembelajaran secara inklusif. Pengaplikasian teknologi memberi sokongan kepada pembelajaran. Tanpa latihan yang mencukupi dalam teknologi bantu dan bahasa isyarat, tenaga pengajar mungkin tidak dapat memberi sokongan yang diperlukan oleh pelajar OKU pendengaran untuk berjaya dalam program vokasional. Akhir sekali, hasil (*Product*) penilaian harus memberi tumpuan kepada kesesuaian kursus untuk memastikan pencapaian pelajar dalam memproleh kemahiran vokasional yang relevan, serta pencapaian pasca-pendidikan mereka dalam mendapatkan pekerjaan yang setimpal. Keberkesanan program vokasional untuk pelajar OKU pendengaran dapat diukur

berdasarkan kejayaan mereka dalam memasuki dunia pekerjaan yang berkaitan dengan bidang kemahiran yang telah mereka pelajari di politeknik.

Bagaimanapun terdapat beberapa isu utama yang memerlukan perhatian dalam konteks pendidikan vokasional untuk pelajar OKU pendengaran. Kurikulum dalam program vokasional sering kali tidak dirancang untuk memenuhi keperluan pelajar OKU pendengaran, terutamanya dari segi kaedah pengajaran dan bahan pembelajaran yang sesuai dengan keperluan mereka (Akter & Rahman, 2019). Kurikulum yang mengutamakan komunikasi verbal tidak memberikan ruang yang cukup untuk pelajar OKU pendengaran untuk berinteraksi dan memahami isi kandungan pengajaran. Pelajar OKU pendengaran memerlukan kaedah pengajaran yang lebih berfokus kepada visualisasi dan penggunaan teknologi. Tanpa latihan yang mencukupi bagi tenaga pengajar dalam mengendalikan pelajar dengan keperluan khas, pengajaran menjadi tidak efektif dan pelajar berisiko ketinggalan dalam pembelajaran (Hassan & Kamarudin, 2017). Selainnya, prasarana seperti ruang pembelajaran yang tidak mesra OKU, teknologi yang tidak mencukupi, atau kekurangan alat bantu mengajar menyukarkan pelajar OKU pendengaran untuk mengakses pendidikan dengan berkesan. Prasarana yang tidak menyokong pembelajaran mereka turut memberi impak kepada pencapaian mereka dalam program vokasional (Abdullah et al., 2021).

Datuk Mohlis Jaafar menyarankan tenaga pengajar politeknik untuk memantapkan persediaan dan kepakaran dalam suatu kenyataan Berita Harian pada 9 Jun 2011 ketika menjadi Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Pengajian Politeknik. Dalam kajian Zainudin (2008), dirumuskan bahawa latihan kemahiran pendidikan vokasional yang diberikan kepada golongan OKU pendengaran hendaklah berfokus dan mantap. Kurikulum dan kemudahan asas yang lain yang berkaitan dengan

pembelajaran turut mempunyai pengaruh dalam menentukan keberkesanan. Program vokasional pelajar OKU pendengaran perlu berfokus kepada aspek pemilihan bidang kebolehan kompetensi yang memenuhi keperluan individu. Selainnya, Siti Zakiah (1999), Dayang (1997), dan Norani (1996) menyentuh tentang kelemahan kurikulum pelajar OKU pendengaran. Kurikulum yang sedia ada dikatakan mempunyai beberapa kelemahan sehingga tidak dapat melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan. Para sarjana mengutarakan kurikulum tersebut lebih banyak mengandungi kompetensi akademik berbanding kemahiran vokasional dan kurang sesuai untuk pelajar OKU pendengaran.

Selanjutnya, kajian oleh Noraini et al. (2005), berfokus kepada pelaksanaan program vokasional, didapati kelemahan program tersebut berpunca daripada beberapa faktor seperti kekurangan tenaga pengajar dalam bidang vokasional. Punca tersebut menyebabkan tenaga pengajar kurang mengutamakan amali dalam pembelajaran di bengkel. Kekurangan prasarana dan peralatan juga membantutkan keberkesanan program tersebut.

Selainnya, sehingga kini bagi pelajar OKU pendengaran yang berhasrat untuk belajar di institut pengajian tinggi tidak mempunyai rujukan yang jelas untuk memohon kursus di IPT. Kebanyakan IPT di negara kita tidak menyertakan tawaran kursus bagi pelajar OKU pendengaran dalam tawaran berkenaan. Perhatian pihak IPT terhadap pelajar OKU pendengaran belum sama dengan pelajar normal. Daripada tinjauan para sarjana, usaha dan inisiatif pelajar OKU pendengaran sendiri yang menempatkan diri mereka di IPT malah bukan atas dorongan pihak universiti. Pelajar OKU pendengaran yang bertekad untuk melanjutkan pelajaran di IPT perlu peka dan perlu mendapatkan sokongan pihak yang sepatutnya untuk mendapatkan

maklumat tentang IPT dan kursus-kursus yang ditawarkan (Imran, 2014; Khairul, 2014; Vikson, 2014; Zarimah, 2014).

Sehubungan itu, penilaian penting dan perlu dijalankan untuk mengukur peringkat pelaksanaan bagi menentukan program tersebut menepati hala tuju yang ditetapkan. Terdapat kekurangan kajian yang menyeluruh tentang keberkesanan program vokasional untuk pelajar OKU pendengaran. Model penilaian seperti CIPP perlu diterapkan untuk menilai semua aspek program pendidikan tersebut, dari konteks hingga hasil, bagi memastikan program vokasional dapat memenuhi keperluan pelajar OKU pendengaran secara efektif. Secara keseluruhannya, pernyataan masalah ini menyoroti bahawa walaupun pendidikan vokasional di politeknik bertujuan untuk memberikan kemahiran yang relevan kepada pelajar OKU pendengaran, tetapi terdapat banyak cabaran yang menghalang mereka daripada mencapai potensi sepenuhnya. Dalam konteks ini, isu utama yang perlu diberi perhatian adalah seperti kurikulum yang tidak inklusif, kaedah pengajaran yang tidak disesuaikan, kekurangan prasarana, dan keperluan kesesuaian kursus yang lebih relevan serta menyeluruh. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan program vokasional yang diikuti oleh pelajar OKU pendengaran di politeknik menggunakan Model CIPP, dengan harapan dapat memperbaiki pelaksanaan program dan menyediakan bukti yang boleh membantu dalam penambahbaikan program pendidikan vokasional inklusif di masa hadapan.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan program vokasional yang diikuti oleh pelajar OKU pendengaran di politeknik dengan

menggunakan Model Penilaian Stufflebeam CIPP (1971). Secara khususnya kajian ini dilaksanakan melalui empat aspek penilaian berikut:

- 1) Menilai tahap keberkesanan kurikulum program vokasional yang diikuti oleh pelajar OKU pendengaran di politeknik secara inklusif dengan Model CIPP.
- 2) Menilai tahap kepakaran tenaga pengajar program vokasional yang diikuti oleh pelajar OKU pendengaran di politeknik secara inklusif dengan Model CIPP.
- 3) Menilai tahap prasarana program vokasional yang diikuti oleh pelajar OKU pendengaran di politeknik secara inklusif dengan Model CIPP.
- 4) Menilai tahap kesesuaian tawaran kursus program vokasional yang diikuti oleh pelajar OKU pendengaran di politeknik secara inklusif dengan Model CIPP.

1.5 Persoalan Kajian

Soalan kajian bagi kajian ini dibina berdasarkan Model Penilaian Stufflebeam CIPP mengikut aspek Konteks, *Input*, Proses dan Produk yang berfokus pada program vokasional yang diikuti oleh pelajar OKU pendengaran di politeknik secara inklusif. Dalam kajian ini, pengkaji akan meneroka dan mengupas keberkesanan pelaksanaan program vokasional, kurikulum, kepakaran tenaga pengajar, pengajaran dan pembelajaran, prasarana, kesesuaian tawaran kursus dan pencapaian pelajar OKU pendengaran di politeknik.

Secara spesifik kajian ini dijalankan untuk menjawab beberapa soalan berkaitan aspek-aspek program vokasional yang diikuti oleh pelajar OKU pendengaran di politeknik secara inklusif dengan penilaian berikut:

- 1) Apakah tahap keberkesanan kurikulum program vokasional yang diikuti oleh pelajar OKU pendengaran di politeknik secara inklusif berdasarkan penilaian pelajar dan tenaga pengajar?
- 2) Bagaimanakah pelajar OKU pendengaran dan tenaga pengajar menilai keberkesanan kurikulum program vokasional yang diikuti oleh pelajar OKU pendengaran di politeknik secara inklusif?
- 3) Apakah tahap kepakaran tenaga pengajar dalam menyampaikan program vokasional secara inklusif kepada pelajar OKU pendengaran di politeknik berdasarkan penilaian pelajar dan tenaga pengajar?
- 4) Bagaimanakah pelajar OKU pendengaran dan tenaga pengajar menilai kepakaran tenaga pengajar dalam menyampaikan program vokasional secara inklusif kepada pelajar OKU pendengaran di politeknik?
- 5) Apakah tahap keberkesanan prasarana yang disediakan untuk pelajar OKU pendengaran dalam program vokasional secara inklusif di politeknik berdasarkan penilaian pelajar dan tenaga pengajar?
- 6) Bagaimanakah pelajar OKU pendengaran dan tenaga pengajar menilai keberkesanan prasarana yang disediakan untuk pelajar OKU pendengaran dalam program vokasional secara inklusif di politeknik?

- 7) Apakah tahap kesesuaian kursus program vokasional yang ditawarkan kepada pelajar OKU pendengaran secara inklusif di politeknik berdasarkan penilaian pelajar dan tenaga pengajar?
- 8) Bagaimanakah pelajar OKU pendengaran dan tenaga pengajar menilai kesesuaian kursus program vokasional secara inklusif yang ditawarkan kepada pelajar OKU pendengaran di politeknik?
- 9) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan program vokasional secara inklusif bagi pelajar OKU pendengaran di politeknik berdasarkan penilaian pelajar dan tenaga pengajar?
- 10) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan program vokasional secara inklusif bagi pelajar OKU pendengaran di politeknik menurut pandangan pelajar dan tenaga pengajar?

1.6 Hipotesis Kajian

Dalam kajian ini, hipotesis-hipotesis nul dan hipotesis alternatif dinyatakan pada aras signifikan $p < 0.05$. Pengkaji membentuk beberapa-beberapa hipotesis berdasarkan persoalan kajian;

- H₀₁** Terdapat tiada perbezaan yang signifikan dalam tahap keberkesanan kurikulum program vokasional yang diikuti oleh pelajar OKU pendengaran di politeknik secara inklusif berdasarkan pandangan pelajar dan tenaga pengajar.
- H₁** Terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap keberkesanan kurikulum program vokasional yang diikuti oleh pelajar OKU

pendengaran di politeknik secara inklusif berdasarkan pandangan pelajar dan tenaga pengajar. .

H₀₂ Tiada perbezaan yang signifikan dalam penilaian kepakaran tenaga pengajar dalam menyampaikan program vokasional untuk pelajar OKU pendengaran di politeknik secara inklusif berdasarkan pandangan pelajar dan tenaga pengajar.

H₂ Terdapat perbezaan yang signifikan dalam penilaian kepakaran tenaga pengajar dalam menyampaikan program vokasional untuk pelajar OKU pendengaran di politeknik secara inklusif berdasarkan pandangan pelajar dan tenaga pengajar.

H₀₃ Tiada perbezaan yang signifikan dalam penilaian keberkesanan prasarana yang disediakan untuk pelajar OKU pendengaran dalam program vokasional di politeknik secara inklusif berdasarkan pandangan pelajar dan tenaga pengajar.

H₃ Terdapat perbezaan yang signifikan dalam penilaian keberkesanan prasarana yang disediakan untuk pelajar OKU pendengaran dalam program vokasional di politeknik secara inklusif berdasarkan pandangan pelajar dan tenaga pengajar.

H₀₄ Tiada perbezaan yang signifikan dalam penilaian kesesuaian kursus program vokasional yang ditawarkan kepada pelajar OKU pendengaran di politeknik secara inklusif berdasarkan pandangan pelajar dan tenaga pengajar.

- H₄** Terdapat perbezaan yang signifikan dalam penilaian kesesuaian kursus program vokasional yang ditawarkan kepada pelajar OKU pendengaran di politeknk secara inklusif berdasarkan pandangan pelajar dan tenaga pengajar.
- H₀₅** Tiada faktor yang signifikan yang mempengaruhi keberkesanan program vokasional bagi pelajar OKU pendengaran di politeknik secara inklusif berdasarkan pandangan pelajar dan tenaga pengajar.
- H₅** Terdapat faktor-faktor yang signifikan yang mempengaruhi keberkesanan program vokasional bagi pelajar OKU pendengaran di politeknik secara inklusif berdasarkan pandangan pelajar dan tenaga pengajar.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana akan memberi penilaian menyeluruh terhadap keberkesanan program vokasional secara inklusif yang dilaksanakan di politeknik untuk pelajar OKU pendengaran. Walaupun pelbagai kajian telah dilakukan tentang pendidikan OKU, bukan semua kajian yang menumpukan pada penilaian sistematik tentang keberkesanan program vokasional khususnya bagi pelajar OKU pendengaran di institusi pengajian tinggi awam seperti politeknik. Menurut Sidek (2002) kepentingan kajian dapat dikategorikan kepada dua peringkat. Peringkat pertama fokus kepada penggubal program khususnya program vokasional yang diikuti oleh pelajar OKU pendengaran.

Hasil kajian memberi *Input* kepada penggubal program vokasional yang diikuti oleh pelajar OKU pendengaran secara inklusif untuk membuat pemantapan dalam program tersebut. Peringkat kedua hasil kajian akan memberi maklumat

kepada pihak politeknik supaya membuat penambahbaikan dalam pelaksanaan. Dapatan kajian membantu tenaga pengajar mengubahsuaikan teknik pengajaran mereka mengikut kesesuaian dan kehendak pelajar OKU pendengaran. Hasilnya, dapat meningkatkan pengetahuan dan kualiti dalam bidang penilaian program vokasional secara inklusif di politeknik. Bidang penilaian program vokasional pelajar OKU pendengaran merupakan bidang yang baharu dan perlukan banyak kajian ke arah penambahbaikan bidang tersebut.

Dapatan dan penemuan kajian ini akan membantu Jabatan Pendidikan Politeknik dalam merancang penilaian program vokasional pelajar OKU pendengaran secara inklusif yang sesuai dan tepat pada masa akan datang. Perkara ini membolehkan Kementerian Pengajian Tinggi membuat transformasi dalam program vokasional pelajar OKU pendengaran. Selainnya, dapat membantu menjayakan aspirasi kerajaan dalam bidang teknikal dan vokasional. Dapatan kajian ini akan menjadi sumber kepada kerajaan Malaysia terutama khasnya Jabatan Pendidikan Khas dan Pusat Perkembangan Kurikulum, dan Jabatan Pengajian Politeknik yang merancang dan mengimplementasikan program vokasional yang diikuti oleh pelajar OKU pendengaran. Dapatan kajian akan memberi informasi baharu terhadap pengubalan kurikulum yang lebih bersifat inklusif.

Selanjutnya, pelajar OKU pendengaran yang menjadi sampel kajian ini akan mendapat satu peluang untuk merujuk program vokasional yang mereka sedang mengikuti. Mereka akan berasa dihargai oleh masyarakat dan akan sedar keperluan mereka dalam masyarakat untuk memberi sumbangan bersama kepada pembangunan negara. Kajian ini penting kepada pentadbir Pengajian Tinggi Politeknik, pentadbir Program Vokasional Pelajar OKU Pendengaran di Politeknik agar dapat memantapkan lagi kualiti kurikulum dan strategik pelaksanaan pengajian dan

pembelajaran yang sedia ada bagi memastikan pelajar OKU pendengaran dapat bersaing dengan pelajar normal untuk mendapatkan peluang pelajaran. Selanjutnya, kajian ini dapat menyumbangkan maklumat tentang perkembangan masa depan dalam pendidikan dan latihan program vokasional, terutamanya kepada pelajar kurang upaya. Perkara ini adalah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan (2015-2025) yang menyediakan aras, serta pengurusan kualiti bagi pelajar OKU pendengaran yang memiliki potensi, kemahiran, sanggup mengorbankan masa dan tenaga serta kepakaran. Masyarakat dan ibu bapa pelajar OKU pendengaran dapat menyedari kepentingan pendidikan vokasional dan akan berusaha mencari peluang supaya anak-anak mereka belajar dalam bidang vokasional. Secara keseluruhannya, kajian ini berupaya memberikan sumbangan penting kepada pembentukan dasar dan amalan pendidikan inklusif di Malaysia, khususnya dalam penyediaan peluang yang lebih baik untuk pelajar OKU pendengaran dalam bidang vokasional. Hasil kajian juga diharapkan dapat memberi cadangan penambahbaikan kepada program vokasional di politeknik, yang dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada pelajar OKU pendengaran tetapi kepada masyarakat secara umum.

1.8 Limitasi Kajian

Kajian ini dijalankan di empat buah politeknik yang berada di negeri yang berbeza di Semenanjung Malaysia. Kajian ini hanya melibatkan pelajar OKU pendengaran yang mengikuti program vokasional secara inklusif di empat buah politeknik. Pelajar OKU pendengaran dijadikan sampel bagi kajian ini, kerana golongan ini kurang difokuskan bagi penyelidikan di negara kita. Hasil kajian tidak boleh dimanfaatkan kepada semua pelajar di politeknik. Oleh kerana, empat buah politeknik sahaja menawarkan sijil kemahiran bagi pelajar OKU pendengaran maka

pengkaji melaksanakan kajian ini di empat buah politeknik tersebut. Politeknik tersebut ialah Politeknik Ungku Omar, Ipoh Perak, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor, Politeknik Ibrahim Sultan, Pasir Gudang Johor, dan Politeknik Syed Sirajuddin, Arau Perlis. Aspek yang dikaji ialah keberkesanan program vokasional yang diikuti oleh pelajar OKU pendengaran di politeknik.

Keberkesanan program tersebut dikaji melalui aspek seperti tahap keberkesanan kurikulum, tahap kepakaran tenaga pengajar, tahap ,prasarana dan kesesuaian tawaran kursus. Sampel kajian terdiri daripada pelajar yang mengikuti Sijil Kemahiran Khas dan tenaga pengajar yang mengajar Sijil Kemahiran Khas. Program Sijil Kemahiran yang ditawarkan oleh politeknik ialah Kursus Kejuruteraan Awam, Kursus Penyenggaraan Mekanikal, Kursus Reka bentuk Grafik, Kursus Rekaan Fesyen, dan Pakaian dan Kursus Hotel dan Katering. Kajian ini dijalankan untuk menilai objektif kajian. Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan dua instrumen yang sah untuk mengutip data. Pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk mencapai dapatan kajian. Bagi kaedah kuantitatif instrumen soal-selidik telah digunakan untuk mengutip data manakala temu bual digunakan dalam kaedah kualitatif untuk mendapatkan data.

1.9 Kerangka Teori Kajian

Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan program vokasional yang ditawarkan kepada pelajar OKU pendengaran di politeknik secara inklusif menggunakan Model CIPP. Kerangka teori dalam kajian ini merangkumi gabungan tiga teori utama yang berperanan dalam menerangkan pelbagai dimensi yang berkaitan dengan keberkesanan pendidikan vokasional untuk golongan OKU